

PENYAKIT KUKU DAN MULUT FOOT AND MOUTH DISEASE (FMD)



APA ITU PENYAKIT KUKU DAN MULUT (FMD)?

FMD adalah penyakit virus yang sangat berjangkit, menjangkiti ternakan berkuku dua termasuk lembu, kerbau, babi, kambing dan bebiri.

Kematian adalah rendah di kalangan ternakan dewasa, tetapi kematian boleh terjadi pada anak-anak lembu, babi dan bebiri.

TANDA-TANDA KLINIKAL FMD

- Pembentukan vesikel dan luka dalam mulut, hidung, kaki dan puting susu
- Air liuh meleleh
- Tempang
- Tiada selera makan
- Penurunan pengeluaran susu

Cara Jangkitan

Sentuhan langsung atau sentuhan tak langsung

Pergerakan manusia, haiwan dan lain-lain yang terdedah

Kenderaan dan peralatan

Kerugian Pengeluaran

1. Penurunan kadar tumbesaran
2. Penurunan pengeluaran susu
3. Kematian pada anak ternakan
4. Kos rawatan ternakan yang sakit

KAWALAN DAN PENCEGAHAN PENYAKIT

Program Vaksinasi

- Suntikan vaksin dalam kawasan berisiko
- Vaksin yang digunakan mestilah yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Veterinar
- Menjalankan program vaksinasi mengikuti dos yang disyorkan
- Tarikh suntikan vaksin perlu direkod dan disimpan

Kawalan Pergerakan Ternakan

- Beli ternakan dari negara, kawasan atau ladang bebas FMD
- Mematuhi prosedur kawalan dan kuarantin sebelum dan selepas import
- Pengimportan dari negara tidak bebas FMD, perlulah mematuhi prosedur import/eksport mengikut garis panduan yang sedia ada
- Kuarantin ternakan yang berpenyakit

Kawalan Pemindahan

- Semua ternakan yang akan dipindahkan hendaklah mempunyai permit dan sijil kesihatan veterinar (SKV) serta tanda pengenal
- Semua kenderaan yang membawa ternakan mesti dibersihkan dan didisinfek sebelum dan selepas pemindahan (terutama tayar dan bahagian bawah)
- Ternakan yang akan dipindahkan dengan bahaya jangkitan FMD hendaklah divaksin 14 hari sebelum pemindahan

Pembersihan Dan Disinfeksi

Prosedur pembersihan dan disinfeksi perlu dijalankan terhadap perkara-perkara berikut:

- Kawasan terjangkit
- Najis
- Penakung najis, perangkap sampah
- Makanan dan bekas makanan
- Pakaian kerja atau bahan berasaskan kain
- Kenderaan



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
MALAYSIA